

Sungai Kerayong naik taraf

Projek RM50 juta bina kolam tadahan 32 hektar tampung sejuta liter padu air

Oleh Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Masalah banjir kilat di sekitar ibu negara dijangka dapat diatasi apabila projek menaik taraf Sungai Kerayong yang bernilai RM50 juta disiapkan pada Oktober tahun depan.

Selain kerja mendalam dan melebarkan sungai berkenaan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga akan membina kolam tadahan seluas 32 hektar berhampiran Flet Sri Johor di Bandar Tun Razak.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Da-

tuk Ruslin Hasan, berkata dengan adanya kolam tadahan yang boleh menampung sehingga sejuta meter padu air masalah banjir kilat terutama di sekitar kawasan Cheras dapat diatasi sekiranya air melebihi paras di Sungai Kerayong.

Pada masa sama, katanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersedia sepenuhnya menghadapi kemungkinan berlakunya banjir kilat di ibu kota dalam tempoh terdekat ini dengan melaksanakan pelbagai langkah jangka pendek termasuk membersihkan sungai.

“Projek menaik taraf Sungai Kerayong turut membabitkan kerja pe-

mindahan lebih 300 pokok di kawasan itu bagi membina tebing baru yang lebih kukuh.

“Setakat ini, kita sudah memindahkan lebih 20,000 penduduk setinggan bagi membolehkan kerja penguurusan sungai dapat dijalankan sebaiknya,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Datuk Bandar Bersama Anda di Bilik Gerakan DBKL di sini, semalam.

Ruslin mengakui hujan lebat selama tiga jam yang bermula jam 2.30 petang menjadi punca utama banjir kilat di lapan kawasan di ibu negara kelmarin berikutan limpahan Sungai Kerayong.

Katanya, sukatan hujan di kesemua kawasan berkenaan mencatatkan purata agak tinggi iaitu sebanyak 302 milimeter (mm) dengan yang tertinggi di Kampung Cheras Baru iaitu 113 mm diikuti Pandan Indah (103mm).

Bagi langkah jangka pendek, Ruslin berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan JPS bagi mengenal pasti kawasan berisiko untuk dibaik pulih untuk mengelak banjir berulang.

Dalam pada itu, beliau berkata, terdapat sembilan kolam takungan di ibu kota termasuk tiga yang dibina DBKL yang terletak di Jalan Ayer

Panas dan Jalan Ayer Leleh di Setapak Jaya serta Jalan Tun Razak.

Sementara itu, Ruslin berkata, DBKL akan menyita serta menarik lesen perniagaan pengusaha restoran dan pusat hiburan yang gagal mematuhi peraturan termasuk menyebabkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.

Katanya, tindakan tegas itu bagi memastikan tiada pengusaha yang mengambil kesempatan menjalankan perniagaan melebihi had masa ditetapkan bagi menjamin kebersihan, keselamatan dan ketenteraman penduduk sekitar dan mengelak mereka melanggar syarat lesen.